

18/09/1998

Penyingkiran Anwar demi kebaikan semua

Alias Ali

APA kata kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Presiden Umno tidak bertindak memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September lalu? Satu soalan akademik sebenarnya. Tetapi cuba bayangkan suatu senario andaian.

Afidavit mengenai kegiatan Datuk S Nallakaruppan keluar di mahkamah menjadi dokumen umum. Di dalamnya mengandungi pelbagai kegiatannya yang mungkin mengganggu ketenteraman anggota keluarga dan rakan-rakannya saja.

Apabila kegiatan itu dikaitkan dengan seorang pemimpin tinggi seperti Anwar, maka skop gangguan itu tidak lagi terbatas di kalangan anggota keluarga dan rakan-rakannya saja, tetapi menjangkau seluruh ahli Umno, rakyat Malaysia dan juga rakyat serta pemimpin luar negara, kerana sebab yang cukup jelas.

Ahli-ahli Umno memilih beliau menjadi Timbalan Presiden. Rakyat berurusan dengan beliau sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Rakyat dan pemimpin luar negara juga sering membuat urusan dengan beliau.

Paling teruk menerima gangguan fikiran, selain anggota keluarga, sudah tentulah ahli Umno. Mereka sekian lama bersusah payah mengangkatnya menjadi pemimpin.

Sebagai orang nombor dua dalam parti, beliau adalah pewaris jawatan presiden. Nasib parti pada masa depan banyak bergantung kepadanya. Tiba-tiba orang yang mereka letakkan harapan tinggi menghadapi masalah berat. Bayangkan juga satu senario yang mana presiden dan Majlis Tertinggi (MT) enggan bertindak.

Afidavit Nalla akan keluar lagi apabila beliau dibicarakan di mahkamah nanti. Kali ini saksi yang tidak dinamakan dalam afidavit itu akan muncul memberi keterangan bersumpah di hadapan hakim. Lagi meluas nama Timbalan Presiden Umno disebut.

Kes Nalla mungkin tidak habis di situ saja. Kalau beliau kalah, sudah pasti peguamnya akan membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi. Proses ini akan mengambil masa yang lama. Setahun, mungkin dua tahun.

Sementara itu, Umno mesti membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya pada tahun 2000. Timbalan Presiden mesti turun padang menemui rakyat. Semestinya apabila pemimpin bertemu rakyat, ia memberi ucapan. Beliau mungkin boleh memilih untuk tidak menyentuh hal-hal mengenai salah laku yang dihadapkannya.

Tetapi, selepas berucap, parti pembangkang pula berucap mungkin di tempat yang sama. Tiada siapa boleh menahan mereka daripada menyentuh soal peribadi Timbalan Presiden Umno. Lepas itu, ahli Umno pula terpaksa menjawab dalam kempen yang lain.

Kalau ini berlanjutan maka pemimpin Umno dan juga pemimpin Barisan Nasional (BN) lain tidak mempunyai masa untuk menjelaskan apa yang kerajaan buat selama ini untuk rakyat, sebaliknya soal peribadi Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri yang menjadi isu utama pilihan raya.

Lim Kit Siang, Karpal Singh, Datuk Fadzil Noor, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan media dalam dan luar negara yang sekarang mengkritik pemecatan Anwar sudah pasti akan menggunakan isu peribadi Anwar habis-habisan. Dr Mahathir sudah tentu akan dilontar pelbagai tuduhan termasuk cuba melindungi anggota Kabinet dan orang kesayangannya.

Kegawatan ekonomi dan langkah pemulihannya juga memerlukan penjelasan

dalam masa pilihan raya. Ini saja sudah cukup berat untuk dijelaskan kepada rakyat. Ditambah pula dengan isu peribadi Anwar dan perbuatan melindunginya, sesungguhnya Umno dan BN mempunyai kerja yang menggunung besarnya untuk meyakinkan rakyat terus memilih kerajaan sedia ada.

Bayangkan satu senario di mana BN terus juga berkuasa selepas pilihan raya. Presiden parti dan Perdana Menteri sekali lagi akan menghadapi masa yang sukar iaitu ketika hendak menyenaraikan anggota Kabinet yang baru. Mengekalkan Anwar dalam kerajaan akan dikritik, menggugurkannya juga akan menimbulkan kemarahan.

Sekali lagi Perdana Menteri akan diletakkan di dalam keadaan tidak senang. Dibuat salah, tidak buat pun salah.

Semuanya ini adalah satu andaian. Ia tidak semestinya berlaku tepat seperti yang dinujumkan. Dalam keadaan biasa telahan politik selalunya tidak jauh menyimpang. Bagaimanapun, politik bukannya selalu biasa saja. Perkara luar biasa kerap berlaku dan kadang-kala ia jauh di luar batas demokrasi malah sama sekali di luar peri kemanusiaan.

Penyingkiran Anwar daripada kerajaan dan parti adalah satu jalan keluar. Tidak dinafikan ia satu jalan keluar yang sukar, tetapi ia boleh mengelakkan daripada kesukaran yang jauh lebih besar bagi parti dan kerajaan pada masa depan. Menyingkirkan seseorang untuk menyelamatkan parti dan kerajaan semestinya diterima sebagai satu langkah seorang juara.

Bagaimana dengan kata-kata bahawa seseorang itu tidak dianggap salah sehingga ia dibuktikan bersalah?

Kata-kata ini tetap juga dengan hikmahnya. Rakyat biasa boleh berlindung di sini. Tetapi, pemimpin adalah orang yang istimewa. Beliau memikul amanah rakyat.

Pemimpin berhadapan dengan dua mahkamah - mahkamah undang-undang dan mahkamah rakyat. Banyak pemimpin yang dihukum di mahkamah keadilan, tetapi rakyat tetap juga menjulangnya. Ramai pula tidak dihukum di mahkamah keadilan, tetapi terhukum di mahkamah rakyat.

Anwar belum dikemuka atau dihukum oleh mahkamah keadilan. Namun, tidak semestinya beliau tidak boleh diadili di mahkamah rakyat.

Beliau sekarang sedang berada di situ. Sama ada beliau menang atau kecundang, hanya masa yang akan menentukannya.